

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN**  
**KAWASAN : KUALA KRAI**  
**TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah jalan penyelesaian yang komprehensif pihak Kementerian untuk mengatasi masalah kesesakan di tol Gombak yang tidak berkesudahan terutama setiap kali musim perayaan dan cuti sekolah.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peningkatan jumlah trafik mendadak menjadi penyumbang kesesakan yang berlaku yang mana statistik menunjukkan purata trafik harian di lebuhraya Kuala-Lumpur Karak adalah sebanyak 89,000 dan meningkat kepada 130,000 (46% peningkatan trafik) ketika hujung minggu, 165,000 (85% peningkatan trafik) ketika cuti panjang, dan 230,000 (158% peningkatan trafik) pada musim perayaan. Antara faktor lain dikenali pasti yang menyumbang kepada kesesakan di Lebuhraya KL-Karak juga adalah disebabkan keadaan muka bentuk bumi yang berbukit/ berselekoh, cuaca hujan dan kemalangan menyebabkan kenderaan bergerak perlahan.

Bagi mengurangkan isu kesesakan yang berlaku plaza tol, pihak konsesi lebuhraya telah melaksanakan tindakan penyelesaian jangka pendek berikut di tapak:-

- 1) Memastikan semua lorong plaza tol dibuka secara maksimum iaitu 12 lorong selain turut menyediakan lorong tambahan (manual) mengikut keperluan operasi;
- 2) Menambah kakitangan operasi tol bagi membantu pengguna yang mempunyai masalah di lorong tol selain menyediakan portable reader bagi membantu mempercepatkan transaksi pengguna;
- 3) Menutup operasi tambah nilai di lorong bagi mengurangkan masa menunggu (waiting time) di plaza tol khususnya semasa kesesakan;
- 4) Mewujudkan Travel Time Advisory (TTA) bagi memberi panduan dan nasihat kepada pengguna lebuhraya merancang perjalanan bagi mengelakkan trafik di jangka pada waktu puncak;

5) Penggunaan VMS / HIS secara konsisten untuk memberitahu pengguna mengenai keadaan semasa di lebuhraya supaya pengguna dapat merancang perjalanan mereka dan juga untuk meningkatkan kesedaran pengguna mengenai Tambah Nilai 'Touch n Go' sebelum memasuki lebuhraya;

6) Pembukaan lorong RFID di plaza tol Gombak dan Bentong untuk melancarkan transaksi trafik di plaza tol dan meminimakan kesesakan.

Untuk makluman, sebagai tindakan penyelesaian jangka panjang kepada isu kesesakan ini, syarikat konsesi lebuhraya telahpun melantik pakar bagi melaksanakan kajian trafik termasuklah cadangan pelebaran lorong dilebuhraya Kuala-Lumpur Karak yang akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan dalam masa terdekat.

Selain itu, pihak kerajaan juga kearah pelaksanaan sistem baru iaitu sistem Aliran Bebas Pelbagai Lorong (MLFF) yang sedang dalam kajian dan akan dilaksanakan secara berperingkat di semua plaza tol bagi memudahkan pengguna jalan raya tidak perlu beratur panjang dan tidak perlu memperlahankan kenderaan apabila melalui lorong MLFF sekaligus mengatasi masalah kesesakan yang berlaku.

Sekian terima kasih.